



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17/6/2011



Ambiga, Pas dan bantahan perhimpunan Bersih

CADANGAN Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) untuk mengadakan perhimpunan haram di ibu kota, Sabah dan Sarawak pada 9 Julai ini turut mencetuskan kemarahan dalam kalangan penulis blog dan mereka begitu emosi apabila membahas perhimpunan Bersih kedua yang diketuai Datuk Ambiga Sreenevasan itu.

Blog MIM (novandri.blogspot.com) begitu lantang meletakkan Ambiga setanding Aminah Wadud yang mengimamkan solat fardu secara berjemaah yang bercampur lelaki dan perempuan di Amerika Syarikat tetapi diangkat sebagai muslimat moderat oleh Barat serta kumpulan liberalis dan sekularis.

Bagaimanapun, katanya, jika Aminah berlegar kepada soal solat dan pemikirannya, Ambiga pergi lebih jauh apabila menjadi penyokong kuat penubuhan Majlis Antara Agama (IFC), iaitu satu kumpulan menuntut hak sama rata antara Islam dan bukan Islam selain menjadi pelopor ulung kes murtad Lina Joy.

"Hari ini Ambiga semakin berkuasa dan cukup dominan. Ambiga sudah menguasai parti Pas. Pas akan melaksanakan dasar dan titah perintah Ambiga dalam tunjuk perasaan Bersih Julai ini. Pelik sungguh, pak haji dan tok imam dalam Pas boleh tunduk dan taat kepada pejuang murtad!" katanya.

Penulis Azrinizam Ibrahim (anginperu-

bahan.blogspot.com) pula membidas para pemuda Pas yang masih sanggup bertuan-tuan bekas Presiden Majlis Peguam itu sedangkan mereka menyedari siapa sebenarnya wanita tersebut.

"Untung apa jika majoriti rakyat Malaysia yang lain terganggu urusan hidup mereka kerana perhimpunan Bersih. Apa kata buat perhimpunan Bersih tersebut di hadapan pejabat Majlis Peguam yang mendesak menghapuskan Perkara 121 (1A) dan menyokong Lina Joy? Beranikah Pemuda Pas?"

"Ambiga masih lagi bersih buat mereka biarpun Ambiga sedang mempertikaikan soal agama Islam dan hak orang Melayu. Pemikiran Anwarinas sudah mengotorkan pemikiran pemuda-pemuda Pas tersebut. Mereka tidak tahu lagi menilai mana yang bersih, mana yang tidak," katanya.

Blog *Malay Delima* (malaydelima.blogspot.com) turut hairan dengan tindakan pemimpin Pas yang sebelum ini membantah Forum Memeluk Islam yang didalangi Ambiga pada 2008 lalu tetapi hari ini orang yang sama memberi sokongan kepada wanita terbabit.

"Jangan lupa takbir-takbir yang mereka laungkan, jihad-jihad yang mereka laungkan di depan bangunan Majlis Peguam menentang Ambiga. Hari ini mereka boieh duduk sebantalan dan boleh pula menjadikan

yang paling teruk menjadikan Ambiga ketua. Kepada ahli-ahli akar umbi Pas, pemimpin mereka rosak, sedarlah. Kita ini dipergunakan sahaja. Dipergunakan!" katanya.

Penulis Abdul Bashid Harun (cikgubashid.com) pula berkata, penganjur perhimpunan Bersih umpama seorang peniaga yang berniat kotor yang menawarkan cecair kotor untuk dijual kepada orang ramai dengan mengumpun kata-kata paling menarik untuk memujuk orang ramai membelinya.

"Namun niat peniaga itu hanya satu iaitu melariskan barangan jualan mereka yang akhirnya membawa pulangan yang menguntungkan kepada diri mereka sahaja. Kesan buruknya kepada kesihatan pembelinya langsung tidak ada dalam pemikirannya.

"Peniaga paling kotor biasanya akan memilih ungkapan yang paling bersih, bukan dengan tujuan untuk membersihkan diri mereka, tetapi untuk mengelirukan atau memerangkap orang ramai. Tetapi kata bersih tidak sedikit pun dapat memadam kekotoran yang ada dalam hati orang yang memilikinya," katanya.

Blog *House PK* (parpukari.blogspot.com) pula mendakwa UMNO dan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) yang memperbesarkan isu perhimpunan Bersih kerana

semakin banyak laporan polis dibuat, secara tidak langsung penganjur perhimpunan haram itu makin besar kepala.

"(Sepatutnya) kita anggap sahaja mereka ini orang gila, tidak payah dilayan dan tak perlu bagi liputan besar-besaran! Sekarang ini nampaknya seolah-olah kita yang tengah bagi promosi pada Bersih 2.0 ini! Nampak jugalah kerajaan macam panik sikit. Kenapa nak takut?," katanya.

Nada serupa disuarakan *Kluangman* (kluangmanexpress.blogspot.com) yang mahukan Perkasa tidak masuk campur soal Bersih memandang perhimpunan tersebut tidak menggugat secara langsung terhadap orang Melayu seperti mana mereka mahu mempertahankan akhbar *Utusan Malaysia* tempoh hari.

"Lebih-lebih lagi yang akan menyertainya (Bersih 2) kelak ialah sebangsa dan seagama, cuma berbeza fahaman politik (syiah dan khawarij). Cina dan India tentulah hanya disertai oleh pemimpin mereka, yang akan hanya berada dalam kedudukan selamat jika berlaku sesuatu.

"Perkasa jangan mencari sebab (untuk) dipersalahkan atau dikambinghitamkan oleh mana-mana pihak jika terjadi sesuatu. Perkasa wajar jadi pemerhati yang bijak.

Soal Bersih biarlah kerajaan selesaikan, rakyat juga nak tengok sejauh mana bijaknya kerajaan menguruskan krisis ini,"

katanya.

Sementara itu, *Salleh Saad* (sallehsaad.blogspot.com) secara halus membidas sikap pihak-pihak yang sanggup dikotak-kotakkan oleh kelompok dan bangsa lain lantaran kebodohnya seperti mana peribahasa "orang bodoh menjadi makanan orang cerdik".

"Kesannya tentulah juga sangat besar. Lebih-lebih lagi jika melibatkan percaturan politik yang akan menentukan kedudukan kuasa. Bangsa yang diperkotak-katikkan itu, lantaran kebodohnya, akan sentiasa dijadikan mangsa dan akan tunduk mengikut telunjuk pihak yang satu lagi itu.

"Pihak yang satu lagi itu pula akan menggunakan bermacam-macam cara dan helah, sama ada yang tersurat atau tersirat, yang jelas atau yang kabur, agar segala apa yang diinginkan dapat dicapai. Jika melibatkan bangsa, agama dan negara akan hancurlah sudahnya bangsa, agama dan negara itu," katanya.

Selain blog-blog itu, banyak lagi blog lain yang membidas perhimpunan Bersih 2 antaranya *Semut Hitam* (semuthitam80.blogspot.com), *Taiping Mali* (taipingmali.blogspot.com) dan banyak lagi.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL
lukman@utusan.com.my